



KENYATAAN MEDIA

HEBAHAN SEGERA

MAJLIS FLAG-OFF KEMBARA AMAL ANAK MERDEKA (PATRIOT'16)

Selangor, 14 September 2016: Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) akan menganjurkan Program Kembara Amal Anak Merdeka (PATRIOT'16) bersempena dengan Sambutan Hari Malaysia pada 14 hingga 18 September, 2016. Program penjelajahann ini melibatkan enam (6) buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan, Perak, Pulau Pinang, Terengganu, Pahang dan Johor dengan anggaran laluan 2074.7 kilometer.

Program yang bakal disertai 180 orang peserta adalah terdiri daripada Delegasi Motosikal Berkuasa Tinggi sebanyak enam puluh enam (66) buah dari Gagasan Anak Malaysia Bikers (GAMB), Biro Tatanegeara (BTN), NC700 dan Staf UTM serta lima belas (15) orang Marshal dari GAMB dan SAM. Turut sama berkonvoi adalah Sekretariat Patriot dan Sukarelawan dalam kalangan Mahasiswa serta petugas dalam kalangan staf UTM yang akan menaiki kenderaan Universiti. Sebuah ambulan, kereta Polis dan kenderaan *backup* juga akan mewarnai penjelajahan ke destinasi pertama iaitu Bagan Datoh, Perak dari Perkarangan Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya seawal jam 8.00 pagi. Manakala Polis Trafik akan memantau sempadan ke sempadan di setiap negeri yang akan dijelajahi.

Majlis *Flag-Off* Kembara Amal Anak Merdeka (PATRIOT'16) akan disempurnakan oleh Ahli Parlimen Setiawangsa, YB. Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari sebaik sahaja selesai liputan siaran secara langsung di Malaysia Hari Ini (MHI). Seramai enam belas (16) orang peserta terdiri daripada Ketua Pengarah Program, saudara Muhammad Athir Adib bin Zulfakor serta delegasi

konvoi akan berpeluang diwawancara oleh Wartawan TV3 sebelum memulakan penjelajahan.

Turut hadir di majlis ini adalah Ketua Pengarah, Biro Tatangera (BTN), YBhg. Datuk Ibrahim Saad; Naib Canselor UTM, YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni), YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz dan Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur, YBhg. Prof. Dr. Durrishah binti Idrus.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Hafizah binti Ahmad Pua'at

Penyelaras Pengurusan

Bahagian Sinergi Mahasiswa, Pejabat HEMA

Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur

Jalan Sultan Yahya Petra

54100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 016-3399739

hafizahahmad@utm.my

Farah Anisa binti Mohd Ghazali

Pengarah Media & Publisiti

Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur

Jalan Sultan Yahya Petra

54100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 019-2471879

Farahnisa.ghazali@gmail.com